

Oleh Presiden Henry B. Eyring
Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama



Perjanjian untuk Memalingkan Hati

Ibu saya, Mildred Bennion Eyring, membesar dalam satu komuniti ladang di Granger, Utah, USA. Salah seorang adik-beradiknya, Roy, mengikut tradisi perniagaan keluarga untuk membela biri-biri. Apabila seorang pemuda, dia kerap kali meninggalkan rumah. Lahan-perlahan, dia menjadi tidak berminat dalam Gereja. Dan akhirnya dia pindah ke Idaho, USA, berkahwin, dan mempunyai tiga orang anak. Dia meninggal dunia pada usia 34 tahun apabila isterinya hanya berusia 28 tahun dan anak-anak mereka masih kecil pada masa itu.

Walaupun keluarga Roy berada di Idaho dan ibu saya sudah pindah sejauh 4,025 km ke New Jersey, USA, ibu selalu menulis surat kepada mereka untuk memberi kasih sayang dan galakan. Keluarga pacik saya memanggil ibu saya “Mak cik Mid”.

Banyak tahun sudah lalu, dan pada suatu hari saya menerima satu panggilan telefon dari salah seorang sepupu saya. Saya diberitahu bahawa balu Roy sudah meninggal dunia. Sepupu saya berkata, “Mak cik Mid hendakkan kamu tahu.” Mak cik Mid sudah lama meninggal dunia, tetapi keluarga itu masih berasa kasih sayangnya dan mereka memberitahu saya berita itu.

Saya merenung tentang cara ibu saya mengambil peranan dalam keluarganya seperti peranan para nabi bangsa Nefi mengambil peranan dalam keluarga mereka dengan menjadi rapat dengan keluarga mereka untuk mengongsikan injil Yesus Kristus. Nefi menulis satu catatan bahawa

dia harap dia dapat mempengaruhi anak-anak saudaranya untuk kembali ke iman bapa mereka, iaitu Lehi. Anak-anak Mosia menunjukkan kasih sayang yang sama semasa mereka mengkhutbahkan injil kepada keturunan Lehi.

Tuhan sudah sediakan cara bagi kita untuk berasa kasih sayang dalam keluarga yang akan berterus selamanya. Pemuda-pemudi Gereja hari ini berasa hati mereka terpalang kepada keluarga mereka. Mereka mencarikan nama-nama ahli-ahli keluarga mereka yang tidak berpeluang untuk menerima tatacara-tatacara penyelamatan dalam hidup ini. Mereka ambil nama-nama itu ke bait suci. Apabila merreka masuk ke air pembaptisan, mereka berpeluang untuk berasa kasih sayang Tuhan dan para ahli keluarga yang mereka wakili dalam tatacara-tatacara itu.

Saya masih ingat kasih sayang dari suara sepupu saya yang menelefon saya dan berkata, “Ibu kami sudah meninggal dunia, dan Mak cik Mid hendakkan kamu tahu.”

Kamu yang melakukan tatacara-tatacara untuk ahli-ahli keluarga kamu melaku dengan kasih sayang, seperti anak-anak Mosia dan nabi Nefi. Seperti mereka, kamu akan berasa kebahagiaan terhadap orang yang menerima bantuan kamu. Kamu juga boleh berasa perasaan puas hati seperti Amon, yang berucap tentang pelayanan mubalighnya dalam kalangan ahli keluarganya seperti berikut:

“Oleh itu, marilah kita bermegah, ya, kita akan bermegah di dalam Tuhan; ya, kita akan bersukacita, kerana kebahagiaan kita penuh; ya, kita akan memuji Tuhan kita

selama-lamanya. Lihatlah, siapakah yang dapat terlalu banyak bermegah di dalam Tuhan? Ya, siapakah yang dapat berkata terlalu banyak tentang kuasa-Nya yang besar, dan tentang belas kasihan-Nya, dan tentang panjang sabar-Nya terhadap anak-anak manusia? Lihatlah aku berkata kepadamu, aku tidak dapat mengatakan bahagian terkecil yang aku rasai” (Alma 26:16).

Saya bersaksi bahawa perasaan kasih sayang kamu ada terhadap ahli-ahli keluarga kamu—di mana-mana pun mereka berada— ialah satu pencapaian perjanjian bahawa Elia akan datang. Dia sudah datang. Anak-anak memalingkan hati kepada bapa mereka, dan bapa memalingkan hati kepada anak-anak mereka (lihat Maleakhi 4:5–6; Joseph Smith —Sejarah 1:38–39). Apabila kamu berasa tekanan untuk mencarikan nama nenek moyang kamu dan untuk mengambil nama-nama itu ke bait suci, kamu mengalami pencapaian nubuat itu.

Memangnya satu berkat untuk hidup pada masa apabila perjanjian berpaling hati sedang dicapai. Mildred Bennion Eyring berasa tekanan itu dalam hatinya. Dia menyayangi keluarga saudaranya, dan dia menghulurkan tangan kepada mereka. Mereka berpaling hati kepada Mak cik Mid dengan kasih sayang kerana mereka tahu dia menyayangi mereka.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Kamu mungkin hendak baca tentang nubuat Roh Elia bersama mereka yang kamu kunjungi (lihat Maleakhi 4:5–6; Joseph Smith—Sejarah 1:38–19). Bincang tentang cara-cara untuk melibatkan diri dalam sejarah keluarga, termasuk indeksing, fotoprafi, dan blog. Jika orang yang kamu kunjungi tidak tahu tentang FamilySearch.org, bertimbang untuk menunjukkan perkara itu kepada mereka.

REMAJA

Mengetahui Nenek Saya

Oleh Jewelene Carter

Untuk salah satu projek Remaja Puteri, saya bersukarela untuk menolong nenek saya untuk mencari nenek moyangnya dengan menatal mikrofilem di pusat

sejarah keluarga di Mesa, Arizona, USA. Semasa kami duduk bersama dan mencari keluarga kami, saya berfikir: “Adakah saya benar-benarnya tahu nenek saya yang duduk di sebelah saya?”

Kami dapat mencari banyak ahli keluarga, sediakan informasi mereka, dan pergi ke Bait Suci Mesa Arizona untuk melaksanakan pembaptisan dan penetapan mereka. Tidak lama selepas itu, nenek saya berikan saya satu buku kompilasi sejarah keluarganya.

Sebab dia menderita dari arthritis reumatoid, kerja menaip ialah satu kerja yang menyakitkan bagi dia. Saya suka menolong dia untuk melakukan kerja komputer. Bersama-sama, kami catatkan cerita kehidupannya untuk faedah rohani keluarga kami. Saya suka menjadi sebahagian hidupnya dan belajar banyak tentang sejarah Gereja semasa kami berkerjasama untuk melakukan projek-projek ini.

Pengarang ini tinggal di Virginia, USA.

KANAK-KANAK

Kasih Sayang di Rumah

Syurga turut gembira

Kasih sayang di rumah;

Semua orang berbahagia

Kasih sayang di rumah.

(“Love at Home,” Hymns, no. 294)

Bapa Syurgawi hendak kita untuk menyayangi keluarga kita supaya kita boleh menjadi gembira. Apabila kita lebih melayani keluarga kita, kita akan lebih menyayangi Bapa Syurgawi dan ahli-ahli keluarga kita.

Lukiskan gambar hati pada sekeping kertas dan guntingkan hati itu. Tuliskan nota-nota atau gambar pada hati itu dan hantarkan nota-nota itu kepada ahli-ahli keluarga kamu tanpa diketahui. Memerhati betapa gembira mereka akan menjadi!

© 2014 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicitak di USA. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/14. Kelulusan penterjemahan: 6/14. Penterjemahan *First Presidency Message, July 2014*. Malay. 10867 348



Iman, Keluarga, Pertolongan

Misi Ilahi Yesus Kristus: Pengacara

Kajikan bahan bacaan ini dengan berdoa dan carikan perkara yang harus dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan misi Juruselamat boleh meningkatkan iman kepada Dia dan boleh memberkat mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Ini sebahagian dalam satu siri Pesanan Pengajaran Berkunjung yang memberi keutamaan kepada aspek misi Juruselamat.

Yesus Kristus ialah Pengacara kita dengan Bapa. Istilah *pengacara* mempunyai dasar Latin yang bererti “seorang yang membela orang lain.”¹ Juruselamat membela kita, dengan menggunakan kefahaman, keadilan, dan belas kasihan. Pengetahuan ini boleh mengisi kita dengan kasih sayang dan kesyukuran terhadap Penebusan-Nya.

“Dengarlah [Yesus Kristus] yang adalah pengacara dengan Bapa, yang membela perkaramu di hadapan-Nya—

“Memfirmankan: Bapa, lihatlah penderitaan dan kematian dari Dia yang tak berdosa, kepada siapa Engkau sangat berkenan; lihatlah darah Putera-Mu yang telah ditumpahkan, darah dari Dia yang Engkau berikan agar Engkau sendiri boleh dimuliakan;

“Kerananya, Bapa, biarkanlah hidup saudara-saudara-Ku ini yang percaya pada namu-Ku, agar mereka boleh datang kepada-Ku dan memperoleh kehidupan abadi” (A&P 45:3–5).

Mengenai Kristus sebagai Pengacara kita, Elder D. Todd Christofferson dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata: “Ini perkara yang sangat penting kepada saya, bahawa saya boleh pergi ke depan Bapa melalui doa pada apa-apa masa pun, bahawa Bapa Syurgawi saya akan dengar doa saya, bahawa Pengacara saya, yang tidak berdosa, sudah menumpahkan darah, akan membela saya.”²

Dari Tulisan Suci

Mosia 15:8–9; Moroni 7:28; Ajaran dan Perjanjian 29:5; 110:4

Dari Sejarah Kita

Sepanjang sejarah Gereja Tuhan, para pengikut wanita Yesus Kristus sudah mengikut teladan-Nya. Ester seorang pengacara yang beriman dan berani. Sepupunya Mordekhai hantarkan dia satu salinan perintah raja bahawa semua orang Yahudi harus dimusnahkan, dan dia menugaskan Ester untuk “menghadap raja dan memohon belas kasihan bagi bangsanya.” Dia juga berkata: “Siapa tahu, mungkin justeru untuk saat-saat seperti inilah kamu sudah dipilih menjadi permaisuri!” (Ester 4:8, 14).

Tanpa mempedulikan kebahayaan untuk menjadi seorang pengacara bagi bangsanya, Ester bersetuju: “Saya akan menghadap raja, walaupun perbuatan itu melanggar undang-undang. Jika saya harus mati kerana hal itu, biarlah saya mati” (Ester 4:16).

Kemudian Ester memohon raja dengan rendah hari dan “bersujud dan menangis . . . untuk membatalkan surat perintah . . . untuk membinasakan semua orang Yahudi.” Dia juga kata, “Bagaimana hamba sanggup melihat bencana yang berlaku terhadap bangsa hamba?” (lihat Ester 8:3, 5–6). Hati raja menjadi lembut, dan dia meluluskan permohonan Ester.³

NOTA

1. Lihat Russell M. Nelson, “Jesus Christ—Our Master and More” (Brigham Young University fireside, Feb. 2, 1992), 4; speeches.byu.edu.
2. D. Todd Christofferson, “I Know in Whom I Have Trusted,” *Ensign*, Mei 1993, 83.
3. Juga lihat *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 180.

Timbangkan ini

Bagaimana pembelaan Yesus Kristus mengilhamkan kita untuk berbelas kasihan dan mengampuni orang lain?